

Jenis Akhbar : Harian Metro

Tarikh : 19/11/2022

Edisi / Muka Surat : Nasional / 26

Tajuk : Sasar 50 koperasi sekolah dapat RM1j

Sasar 50 koperasi sekolah dapat RM1j

Kuala Lumpur: Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menasarkan sekurang-kurangnya 50 koperasi sekolah bakal mencapai perolehan RM1 juta menjelang 2030.

Perkara itu mampu dicapai memandangkan koperasi sekolah pada masa ini giat terbabit dalam sektor perniagaan yang disertai koperasi dewasa.

Presiden Angkasa merangkap Presiden Asean Cooperative Organization (ACO), Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah berkata, persepsi orang muda tidak minat menceburkan diri dalam koperasi tidak tepat sama sekali.

Beliau berkata, ini kerana kira-kira 20 peratus anggota koperasi di negara ini terdiri daripada warga koperasi sekolah.

"Selain menumpukan fokus dari segi akademik, mereka juga memerlukan satu



ABDUL Fattah (tengah) ketika merasmikan Seminar Infaq Lil-Waqf Angkasa dan Konvensyen Koperasi Sekolah serta Persidangan Pengetua Majlis Pengetua Sekolah Malaysia (MPSM) Negeri Pahang Tahun 2022.

platform untuk mengaplikasikan teori yang dipelajari dalam bentuk latihan untuk mendapatkan pengalaman.

"Koperasi sekolah adalah satu wadah paling lengkap menawarkan peluang untuk murid belajar berniaga, menjadi usahawan, mentad-

bir dan mengurus serta mendapat kemahiran insaniah lain.

"Selain itu, pembabitan mereka dalam aktiviti koperasi sekolah mampu memperkuuh jati diri seperti bersatu padu, toleransi, kesaksamaan, keadilan, tolong-menolong selaras de-

ngan prinsip dan nilai yang menjadi pegangan koperasi," katanya dalam kenyataan.

Menurutnya, usaha menyemai ilmu keusahawanan koperasi juga selaras dengan hasrat kerajaan mahu melahirkan lebih ramai usahawan muda di masa hadapan.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA